

# PM berbuka puasa bersama Raja Arab Saudi

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini berada di Mekah bagi mengerjakan ibadah umrah hari ini berbuka puasa bersama Raja Arab Saudi, Raja Abdullah.

Menurut Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Dr. Ismail Ibrahim, jemputan ke majlis berkenaan merupakan penghormatan kepada Perdana Menteri sebagai tetamu kerajaan negara itu.

"Malam ini Perdana Menteri menghadiri majlis berbuka puasa dengan Raja Abdullah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Perdana Menteri yang diiringi ahli-ahli keluarga terdekat untuk mengerjakan umrah dijadualkan berada di Arab Saudi selama lima hari sebelum pulang ke tanah air, lusa.

Beliau dijangka bertemu Gabenor Bank Pembangunan Islam dan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) semasa di Arab Saudi.

Ismail memberitahu, Perdana Menteri hari ini menjalankan ibadah umrah bermula tengah malam sehingga kira-kira pukul 3.30 pagi.

"Keadaan agak sesak kerana kumpulan-kumpulan terakhir jemaah umrah biasanya nyaramai.

"Dianggarkan lebih dua juta orang sedang menunaikan umrah di sini," katanya.